ARKIB
rb
fAC895
M22A993

# PERANAN IN-SITU FELCRA DI KAMPUNG TERATAK BATU DAN IMPLIKASINYA KE ATAS KEADAAN SOSIO-EKONOMI PARA PESERTA.

AZIZAH BINTI JAAFAR

LATIHAN ILMIAH B.A - GEOGRAFI

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

(BAHAGIAN GEOGRAFI)

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

SESSI 1983/84

Buat emak dan ayah, doronganmu membuatkan hati ini begitu tabah untuk memiliki segulung ijazah idaman kita seisi keluarga.

Abang, kakak serta adik Asdi dan Aziah, bantuan kalian tidak akan ku lupa.

Akhir sekali, untuk pihak-pihak lain yang terlibat - hanya Allah yang wajar membalas jasa baik kalian.

Azizah Jaafar
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
26 Januari 1984.

Istimewa buat,

Adik Asdi dan Aziah

moga berjaya di masa depan.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI

## ABSTRAK

Kegagalan projek-projek tanah pinggir oleh Kerajaan-kerajaan Negeri sejak tahun 1960an lagi telah membawa kepada penubuhan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) untuk mengambil-alih tugas-tugas ini bagi tujuan pemulihan. Matlamat utamanya ialah untuk meninggikan taraf sosio-ekonomi masyarakat di luar bandar.

Bagi mencapai matlamat di atas, FELCRA telah melaksanakan beberapa buah projek seperti Rancangan Tanah Pemulihan, Rancangan Tanah Pinggir, Pembangunan In-Situ, Sistem Saham dan juga projek perumahan.

Projek Pembangunan In-Situ adalah merupakan satu projek Pembangunan Desa Bersepadu yang kini diimplimentasikan di beberapa buah kampung tradisional di Malaysia. Di antara kampung-kampung yang terlibat ialah Kampung Teratak Batu di Pasir Puteh, Kelantan, Kampung Koh di Langkawi, Kampung Betong di Terengganu dan pada tahun 1983 diperkenalkan pula di Kampung Asam Jawa, Baling, Kedah. Projek In-Situ di Kampung Teratak adalah merupakan projek perintis yang dimulakan dalam tahun 1978 di atas keluasan tanah 588.16 hektar (1,323 ekar) dengan melibatkan seramai 163 keluarga.

Sehingga kini adalah didapati FELCRA masih lagi

tidak dapat mencapai matlamat-matlamatnya terutama sekali untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat di luar bandar. Majoriti peserta In-Situ masih lagi berada pada keadaan sosio-ekonomi yang lama.

Perlu sekali FELCRA menilai kembali prestasi Projek Pembangunan In-Situ kerana apa yang didapati sekarang masih terlalu jauh dari matlamat yang ingin dicapainya. Diharapkan akan ada usaha-usaha yang lebih gigih dan bersungguh-sungguh untuk memperkemaskan dan mempraktikkan segala yang baik bagi peningkatan sosio-ekonomi masyarakat di luar bandar, terutamanya para peserta projek In-Situ.

ABSTRACT

The failure of states goverment marginal land projects since 1960's has led to the establishment of Federal Land Coordination and Rehabilitation Agency (FELCRA) take over land rehabilitation function. It's main objective it to increase the socio-economic level of rural society.

To achieve the above objective, FELCRA had implemented a few projects such as Land Rehabilitation Program, Marginal Land Program, In-Situ Development, shares system and also housing project.

In-Situ Development project is an Integtared Development Project which is know being implemented in a number of traditional villages in Malaysia. A few of those villeges affected by this project are Kampung Teratak Batu at Pasir Puteh, Kelantan, Kampung Koh at Langkawi, Kampung Betong at Terengganu and in 1983 it was introduced at Kampung Asam Jawa, Baling, Kedah. The Kampung Teratak Batu In-Situ Project is the pioneer project which started in 1978, involving 163 families on 588.16 hectares (1,323 acres) of land.

Till now, we find that FELCRA has not achieve it's objectives, especially it's objective to increase the socio-economic level of the rural society. Majority

of the In-Situ participants is still at the socio-economic level.

It's essential for FELCRA to eveluate back its In-Situ Development Project performance because what is gained now is still too far from the stated objective which FELCRA is aiming at. We hope that more vigorous and real efforts to up-date, practice and to implement is good to increase the socio-economic level of rural society, especially the In-Situ projects participants.